

**20,000 Anggota Skwad Sayang Dikerah Bantu Mangsa Banjir  
Bernama  
Dec 23, 2014**

KEMAMAN, 23 Dis (Bernama) -- Kira-kira 20,000 anggota Skwad Sayang Pergerakan Wanita Umno dikerah untuk membantu mangsa banjir yang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan di tiga negeri Pantai Timur yang ketika ini terjejas akibat bencana alam itu.

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata sebagai contoh, 3,000 anggota skuad itu digembleng untuk sama-sama membantu mangsa di Kemaman yang dilanda banjir sejak 15 Dis lepas.

Beliau berkata anggota sukarelawan itu yang ditubuhkan enam tahun lalu ditugaskan 24 jam selama tujuh hari bermula hari pertama banjir melanda negeri ini.

Skuad ini ditubuhkan enam tahun lalu sebagai badan amal dan kebajikan di bawah pergerakan Wanita Umno yang bertindak bagi membantu melancarkan operasi di pusat pemindahan.

"Mereka ini ditempatkan di setiap kawasan Parlimen di seluruh negara yang jumlahnya kini mencecah lebih 200,000 orang," katanya kepada pemberita ketika melawat mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Bukit Mentok di sini hari ini.

Turut hadir, Menteri Komunikasi dan Multimedia merangkap Anggota Parlimen Kemaman Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Sharifah Zarah Syed Ahmad dan Ketua Wanita Umno Kemaman Senator Datuk Rohani Abdullah.

Shahrizat seterusnya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada Ahmad Shabery atas inisiatif serta komitmen tingginya menggerakkan semua pihak untuk turun padang membantu mangsa banjir.

Dalam pada itu, Shahrizat dan Ahmad Shabery turut mengucapkan tahniah kepada Sharifah Zarah yang dilantik sebagai ketua setiausaha kementerian berkenaan berkuat kuasa semalam.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1095847>